

06 JUL 1997

Cuepacs-Gaji

CUEPACS HARAP STRUKTUR BARU GAJI SEKTOR AWAM SELESAI TAHUN INI

KOTA KINABALU, 6 Julai (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) hari ini berharap kajian perbandingan gaji antara sektor awam dan swasta di negara ini dapat disiapkan secepat mungkin bagi membolehkan satu struktur gaji baru dilaksanakan tahun ini.

Presidennya Mohamad Mat Jid berkata pihaknya masih menunggu hasil kajian berkenaan sebelum mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membincangkan perkara itu.

"Kita berharap ini dapat diselesaikan dalam tahun ini," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan kakitangan sektor awam di sini.

Perdana Menteri pada 16 Mei lepas mengumumkan pelaksanaan kajian perbandingan gaji sektor awam dan swasta yang keputusannya akan dijadikan asas untuk merangka satu struktur baru gaji kakitangan kerajaan pada masa depan.

Dr Mahathir berkata, kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam itu akan membantu kerajaan menangani permintaan kenaikan gaji kesatuan sekerja sektor awam, yang secara berterusan membandingkan gaji mereka dan gaji kakitangan swasta.

Mohamad berkata Cuepacs juga telah mengemukakan cadangan kepada kerajaan agar memberi bonus dua bulan gaji kepada kakitangan awam tahun ini.

"Ini terpulanglah kepada kerajaan tetapi kita percaya dengan keadaan ekonomi yang baik ketika ini dan peningkatan iltizam di kalangan anggota perkhidmatan awam, kerajaan akan mempertimbangkan cadangan ini," katanya.

Mengenai rungutan kakitangan sektor itu yang mendakwa mereka ditindas majikan dan diberi penilaian yang salah dalam Laporan Penilaian Prestasi tahunan, beliau berkata mereka sepatutnya mengemukakan aduan bertulis kepada Cuepacs.

"Kita kemudian akan mengemukakan perkara ini kepada JPA, tetapi setakat ini Cuepacs belum menerima aduan bertulis. Yang ada hanya cakap-cakap dan ini menyulitkan Cuepacs untuk membuat tindakan," katanya.

Menurutnya, antara sebab berlakunya rasa tidak puas hati itu adalah kerana terdapat agensi-agensi kerajaan yang mempunyai kakitangan yang begitu ramai," kata beliau. -- BERNAMA

JS RI